

Globalisasi perlu

BH 13 APR 2000

ditafsir semula: PM

Daripada Mior Kamarul **Shahid**

HAVANA, Rabu – Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menegaskan, globalisasi, yang mula menampakkan kecenderungannya menjadi satu bentuk agama, perlu ditafsirkan semula dengan mengambil kira kesannya kepada dunia.

Perdana Menteri berkata, jika kesannya membawa keburukan, tafsiran globalisasi hendaklah diubah suai sehingga ia benar-benar mencapai matlamat yang dihasratkan.

Sebaliknya, jika ia didapati baik, konsep itu boleh dilaksanakan sebagaimana yang ditafsir dan diamalkan hari ini.

Globalisasi, jika ditafsir dan diamalkan dengan betul, boleh mewujudkan satu orde dunia yang saksama serta mampu mengagihkan kekayaan secara adil antara negara kaya dan miskin.

Bagaimanapun Dr Mahathir mengingatkan, tafsiran yang buruk hanya akan membawa kemusnahan, terutamanya kepada negara miskin, manakala menjadikan negara kaya bertambah mewah.

Berucap di Sidang Puncak Selatan Kumpulan 77 (G77) di sini, Perdana Menteri berkata globalisasi seharusnya menekankan kepada soal kesan-akibat, bukannya kaedah.

Ketika ini, negara membangun diberitahu bahawa globalisasi mestilah disokong dan diamalkan meskipun jika ia membawa kehancuran.

“Kita sedang memasuki perangkap lama dengan mempercayai bahawa sesuatu sistem dengan sendirinya boleh menyelesaikan masalah kemanusiaan. Apabila kita terlalu percaya kepada sesuatu sistem, kita lupa sebab-musabab sistem itu mula diwujudkan.

“Sesuatu sistem digubal kerana ia dipercayai dapat membetulkan apa yang silap dan memberi manfaat kepada mereka mengamalkannya.

“Malangnya, sebaik saja sesuatu sistem diterima, ia menjadi perkara begitu suci sehinggakan jika ia menimbulkan keadaan lebih buruk daripada keadaan yang sepatutnya diperbetulkan, ia masih dipertahan